

27 NOV 1996

PM-Korea (Bergambar)

MALAYSIA MINTA KOREA SELATAN TAMBAH PELABURAN

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Malaysia berharap Korea Selatan mempertingkatkan lagi pelaburan mereka di negara ini memandangkan jumlah pelaburannya terlalu kecil dibanding dengan negara-negara lain di rantau ini khususnya Taiwan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata, pada pertemuan lebih sejam antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dengan Presiden Kim Young-Sam di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini, Dr Mahathir telah meminta Korea Selatan melipatgandakan penanaman modalnya di Malaysia.

Presiden Kim yang berada di sini untuk lawatan rasmi tiga hari disertai Menteri Luarnya, Yoo Chong-Ha, Menteri Perdagangan, Perindustrian dan Tenaga, Park Jae-Yoon dan Duta Korea Selatan ke Malaysia Jhung Kyung Yil.

Dr Mahathir pula disertai Abdullah, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Abdullah memberitahu wartawan selepas rundingan itu bahawa Dr Mahathir telah melahirkan rasa kecewanya dengan sikap dingin Korea Selatan kerana pelaburan yang dirancangkannya di negara ini tidak begitu besar jumlahnya.

"Dr Mahathir juga tidak berpuas hati dengan imbalan perdagangan antara kedua-dua negara dan meminta Korea Selatan membeli lebih banyak bahan mentah Malaysia secara terus, bukannya melalui negara ketiga," katanya.

Abdullah berkata Malaysia terpaksa meminta Korea Selatan meningkatkan pelaburannya di negara ini kerana ia tidak menunjukkan minat berbuat demikian meskipun ia sebuah negara yang berkemampuan untuk melabur.

Katanya, Malaysia juga meminta para pelabur Korea Selatan supaya tidak membawa pelaburan yang memerlukan tenaga kerja yang banyak memandangkan negara ini menghadapi krisis kekurangan tenaga manusia.

Presiden Kim berikrar akan memberi pertimbangan positif terhadap pandangan Malaysia itu dengan berjanji untuk mengambil langkah-langkah bagi memperbetulkan keadaan yang tidak seimbang itu.

Langkah pertamanya ialah berbincang dengan ahli perniagaan dan pelabur Korea dalam satu majlis di ibu negara malam ini.

"Pada dasarnya kedua-dua pemimpin berharap segala masalah yang dihadapi dalam bidang perniagaan dapat diatasi kedua-dua pihak dalam suasana muhibah dan baik," katanya.

Abdullah berkata, Dr Mahathir juga berharap usahawan Korea Selatan yang banyak mendapat kontrak pembangunan di negara ini akan berusaha memindahkan teknologi kepada rakyat tempatan di samping memberi peluang kepada kontraktor tempatan menjalankan kerja kecil.

Abdullah berkata, Malaysia turut berharap Korea Selatan akan menyokong hasrat Malaysia bagi menduduki kerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh 1997.

Dalam bidang pelancongan, kedua-dua pemimpin berharap pelancongan dapat ditingkatkan lagi bagi memberi kesempatan rakyat kedua-dua negara saling bertukar-tukar kunjungan dan Dr Mahathir gembira dimaklumkan bahawa di kalangan pasangan Korea yang baru berkahwin mereka amat berminat untuk berbulan madu di negara ini.

Kedua-dua negara juga bersetuju agar dialog dengan Eropah khususnya Kesatuan Eropah (EU) dapat diteruskan bagi menghasilkan faedah dan kesan maksimum kepada mereka, dan kedua-dua pemimin bersetuju dengan pendekatan ini.

Menurut Abdullah lagi, Presiden Kim juga memberi jaminan hubungan udara

antara kedua-dua negara akan dipereratkan lagi dengan memberikan hak kepada Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan perkhidmatan dari Kuala Lumpur-Seoul dan meneruskan penerbangan ke Amerika Syarikat. Layanan serupa juga diberikan kepada Korean Airlines untuk meneruskan penerbangan ke destinasi lain selepas Kuala Lumpur.

Kim mempelawa Dr Mahathir melawat Korea Selatan tahun depan dan katanya, "jika boleh pada bulan Januari." -- BERNAMA

ZAB NMO